

ANCAMAN TERHADAP ISLAM DI ZAMAN GLOBAL

Oleh : The Six Phoenix

Serangan 11 September terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York telah menggemparkan dunia dan memberi fokus utama kepada muslim di Eropah. Terdapat banyak spekulasi yang berlegar di minda masyarakat dunia. Adakah benar Muslim di Eropah adalah musuh di dalam selimut atau sebenarnya *The Fifth column* yang menunggu masa untuk melancarkan serangan? Permainan hebat media-media terkenal dan juga ketakutan masyarakat Eropah telah mengakibatkan wujud sentimen Islamophobia ataupun perasaan benci dan prejudis terhadap masyarakat Islam sehingga agama Islam itu sendiri dianggap bermula dengan pedang.

Selepas peristiwa keramat tersebut muncul beberapa siri serangan yang dipercayai didalangi puak militant Al-Qaeda seperti serangan keretapi bawah tanah di Madrid, Mac 2004, pembunuhan keluarga bangsawan anti islam iaitu Theo van Gogh pada November 2004, pengeboman keretapi bawah tanah oleh beberapa orang muslim pada Julai 2005 dan banyak lagi peristiwa-peristiwa yang meningkatkan lagi sentimen Islamophobia di mata masyarakat dunia.

Kempen "*War on Terror*" yang dicanangkan oleh George W. Bush telah menambahkan lagi duri kebencian ke atas Umat Islam di seluruh dunia. Seolah-olah seperti sebuah lesen bagi Negara ini berbuat sesuka hati, Kempen ini telah mengakibatkan beberapa Negara Islam terpaksa akur bagi menghalalkan segala perbuatan bagi menghancurkan perpaduan umat islam di seluruh dunia. Serangan ke atas Afghanistan, Iraq, pembantaian Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza seperti dilihat sebagai bukan suatu kesalahan kepada Negara-negara Eropah bagi melemahkan kekuatan Islam. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hanyalah alat bagi menidakkan jenayah perang yang dilakukan Negara-negara besar ini. Media-media seperti CNN, BBC, The Wall street Journal telah memainkan peranan penting bagi memutarbelit fakta kes dan juga mengaburi mata dunia. Jika berlaku kes-kes kekejaman yang dilakukan oleh kumpulan militant islam, maka berita itulah yang menjadi paparan utama serta diberi ulasan yang penting. Akan tetapi mereka menyembunyikan kekejaman dan kehancuran yang dilakukan oleh aktor-aktor penting dunia dalam membantai Negara-negara Islam.

Tidak dinafikan, keganasan yang dilakukan kumpulan-kumpulan militant seperti Jemaah Islamiah di Indonesia, The Black Widow di Chechnya, Abu Sayyaf, Boko Haram dan banyak lagi adalah diasaskan oleh penganut agama Islam. Akan tetapi adalah salah bagi melabelkan Islam sebagai agama penganas kerana hanya sebilangan sahaja penganutnya yang bertindak diluar batasan dan juga radikal. Beberapa perkara juga harus diambil kira bila kita membahaskan soal mengapa kumpulan-kumpulan ini bertindak diluar lunas-lunas Islam. Ada diantara kumpulan-kumpulan ini memberi respon terhadap kekejaman-kekejaman yang dilakukan oleh negara-negara barat di dalam kempen perang di Afghanistan dan juga Iraq.

Menurut PLOS Medicine Survey, Sekurang-kurangnya 500,000 rakyat Iraq terbunuh di dalam kempen perang Amerika Syarikat sejak tahun 2003 sehingga tahun 2011. Manakala Watson Institut melaporkan seramai 26,270 rakyat Afganistan terbunuh di dalam keganasan pencerobohan Amerika di Afghanistan. Pembunuhan demi pembunuhan yang berlaku mengakibatkan kumpulan-kumpulan yang diisytihar haram ini bangkit melakukan keganasan yang sama sebagai respon diatas perbuatan yang dilakukan Negara-negara kuasa besar ke atas Negara Islam. Jika benar *International Court Justice* (ICJ) memainkan peranannya, maka telah banyak kekejaman perang yang dilakukan Amerika Syarikat dan sekutunya di dalam kempen perangnya. Telah banyak pembunuhan kejam yang dilakukan Zionis terhadap rakyat Palestin. Akan tetapi seperti boneka, PBB terus diperalat bagi mencapai matlamat Negara kuasa besar ini seterusnya menidakkan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa.

Bagi negara-negara Islam seperti Malaysia dan Indonesia pula, jarum-jarum halus cuba dimasukkan pertubuhan-pertubuhan yang ditaja Amerika Syarikat bagi memesonkan umat Islam di kedua Negara ini agar fokus mereka lari daripada ajaran Islam sebenar. Sebagai contohnya di Indonesia, Amerika Syarikat telah menyuntik dana sebanyak USD 165 juta di dalam pendidikan bagi membina sekolah-sekolah sekular bagi mengajak rakyat di Indonesia untuk menuntut di sekolah-sekolah sekular ini. Tujuan Amerika berbuat demikian agar Umat Islam tidak tertarik untuk menuntut di sekolah pondok yang dianggap Amerika sebagai sekolah pengeluar penganas. Di Malaysia, pertubuhan-pertubuhan seperti COMANGO dan G25 menggunakan platform Hak Asasi sebagai alasan bagi membawa Umat Islam kepada fahaman lebih terbuka

dan liberal. Pertubuhan ini cuba menghalalkan perkahwinan sejenis, membela nasib *homoseksual, lesbian, transgender* dan banyak lagi yang sememangnya bertentangan dengan apa yang termaktub di dalam Islam. Malaysia telah dikritik hebat oleh negara luar kerana menentang percubaan pertubuhan-pertubuhan ini dari bertapak di Malaysia. Seharusnya negara Malaysia perlu berhati-hati agar agama Islam tidak dicemari dengan agen-agen yang cuba menghancurkan keharmonian umat Islam di negara ini.

Arab Spring yang berlaku di negara Timur Tengah cukup menunjukkan perpecahan umat Islam sebenarnya telah berlaku di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali. Perpecahan umat Islam berasaskan parti telah sedikit sebanyak menjejaskan keharmonian negara ini. Jika perspektif buruk terhadap umat Islam terus berlaku, maka tidak mustahil Islam akan melalui zaman kegelapan dimana norma-norma Islam telah lari dari fahaman penganutnya sendiri. Secara tidak langsung anasir-anasir luar amat mudah menerobos masuk ke dalam negara-negara Islam akibat daripada kelemahan yang kita cipta sendiri. Cara yang terbaik agar Umat Islam tidak terjebak ke dalam Zaman Kegelapan adalah dengan kembali bersatu tidak mengira bangsa atau warna kulit. Pedulikan diskriminasi dan tanggapan buruk yang dilemparkan terhadap umat Islam. Kesatuan itu sebenarnya amat penting agar kita tidak mudah dipermainkan dengan tangan-tangan asing yang sememangnya mahu melihat kejatuhan umat Islam.